

## Pahang hantar bantuan kemanusiaan ke Gaza esok

Oleh NORFARHIZA MOHD ATAR | 19 Mei 2024, 6:19 pm



Wan Rosdy menyampaikan bantuan dari Yayasan Pelajaran Mara kepada seorang murid Sekolah Kebangsaan Telang sempena Majlis Kenduri Rakyat di Dewan Terbuka Kampung Telang di Lipis, hari ini.

LIPIS – Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail mengesahkan akan melancarkan flag-off barang bantuan kemanusiaan dari Pahang ke Gaza, Palestin esok bagi meringankan penderitaan yang dialami oleh penduduk Islam yang ditindas dan dizalimi oleh rejim Israel.

Wan Rosdy berkata, kapal yang membawa bantuan seperti pek makanan, tilam, selimut, dan ubat-ubatan itu dijangka berlepas dari Pelabuhan Klang sekitar pukul 11 pagi.

“Alhamdulillah, saya berterima kasih kepada semua kerana kita dapat mengutip sumbangan sebanyak RM1.575 juta daripada penderma yang kebanyakannya merupakan anak Pahang.

“Usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Pahang untuk bantu ringankan beban rakyat Palestin itu dibuat menerusi kerjasama dengan Wisma Kementerian Luar Negara,” katanya kepada media selepas Majlis Kenduri Rakyat di Dewan Terbuka Kampung Telang di sini hari ini. – KOSMO! ONLINE